

Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia Ke-182

MPS Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-182 bertarikh 28 November 2017 telah memutuskan perkara berikut:

Pencagaran Akaun Deposit atau Pelaburan Dalam Institusi Kewangan Islam

Keputusan

MPS memutuskan bahawa amalan pencagaran akaun deposit atau pelaburan terhadap obligasi hutang pembiayaan adalah dibenarkan. Dalam hal ini, akaun sebagai aset cagaran (*marhun*) tersebut boleh digunakan oleh institusi kewangan Islam (IKI) sebagai penerima cagaran (*murtahin*) dengan keizinan pelanggan sebagai pencagar (*rahin*) tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Pelanggan diberi pilihan untuk mencagarkan mana-mana akaun sama ada yang berbentuk deposit atau pelaburan sebagai cagaran terhadap obligasi hutang pembiayaan; dan
- (ii) Obligasi yang ditanggung oleh pelanggan bukan terhasil daripada kontrak pinjaman (*qard*).


Latar Belakang

- Dalam industri perbankan Islam, terdapat amalan menjadikan akaun deposit atau pelaburan sebagai cagaran terhadap obligasi hutang pembiayaan. Jika berlaku kes kemungkiran pembayaran, akaun cagaran tersebut akan digunakan oleh IKI untuk melunaskan baki hutang.
- Akaun tersebut akan berada dalam status *lien* sehingga keseluruhan obligasi hutang pembiayaan dilunaskan. Dalam masa yang sama, akaun tersebut juga masih beroperasi sebagai akaun deposit atau pelaburan yang akan digunakan oleh IKI untuk menjalankan operasi dan aktiviti.
- Sehubungan itu, MPS dirujuk berkaitan isu aset cagaran yang berbentuk akaun deposit atau pelaburan yang digunakan oleh IKI dan pelayanannya daripada perspektif Syariah.

Isu Syariah

- Adakah aset berbentuk akaun deposit atau pelaburan boleh diterima sebagai aset cagaran?
- Apakah penyesuaian fiqah bagi aset cagaran yang berbentuk akaun deposit dan pelaburan serta hukum penggunaannya oleh penerima cagaran daripada perspektif Syariah?

Ilustrasi contoh pencagaran akaun deposit



Isu Utama Perbincangan MPS

Apakah ciri-ciri aset yang boleh diterima sebagai aset cagaran?

- Berdasarkan pemerhatian terhadap pandangan mazhab berhubung ciri-ciri aset cagaran, didapati ulama Hanafi mengambil pandangan yang paling ketat, contohnya aset yang berbentuk hutang dan *musya`* (aset yang tidak boleh dibahagikan) tidak boleh dijadikan sebagai cagaran manakala sebahagian ulama Maliki mengambil pendekatan yang lebih ringan kerana cagaran adalah sejenis kontrak sokongan, di mana aset yang mempunyai unsur *gharar* yang sedikit boleh dijadikan cagaran.
- Di samping itu, jenis-jenis aset yang telah diiktiraf fuqaha untuk dijadikan cagaran termasuklah aset yang berbentuk fizikal, hutang, *musya`* dan lain-lain.
- Para fuqaha juga mengharuskan pencagaran wang tunai, yang mana mazhab Maliki mensyaratkan keperluan untuk memastikan wang tersebut tidak digunakan oleh penerima cagaran.

Apakah resolusi Syariah dan pandangan ulama kontemporari berhubung akaun deposit yang digunakan sebagai aset cagaran?

- Piawai Syariah Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) berhubung *rahn*¹ menetapkan bahawa dalam kes akaun semasa dan aset tunai yang dijadikan cagaran, pihak IKI tidak dibenarkan menggunakan aset cagaran tersebut. Namun pihak IKI dan pelanggan boleh bersetuju untuk memindahkan amaun dalam akaun semasa tersebut ke akaun pelaburan yang mana hukumnya bertukar daripada *qard* kepada *mudarabah*. Manakala keuntungan yang dijana akan dikongsi berdasarkan nisbah keuntungan yang dipersetujui. Dalam hal ini, AAOIFI berpandangan bahawa keharusan aset cagaran berbentuk akaun tunai adalah bersandarkan kepada keharusan pencagar untuk mencagar aset miliknya yang berada dalam pegangan penerima cagaran.
- *Majma` Fiqh Islami*² memutuskan bahawa amalan mencagarkan akaun deposit adalah harus, sama ada ia akaun simpanan, akaun semasa atau akaun pelaburan. Ia mestilah dibuat dengan memastikan bahawa jumlah baki dalam akaun tidak dikeluarkan oleh pendeposit sepanjang tempoh cagaran. Sekiranya bank ialah penerima cagaran, amaun dalam akaun deposit mestilah dipindahkan ke akaun pelaburan dan kesannya adalah kontrak bertukar daripada *qard* kepada *mudarabah*. Ini akan melayakkan pendeposit untuk mendapat pulangan daripada pelaburan dan mengelak isu penerima cagaran mendapat manfaat yang dijana daripada aset cagaran.
- Syeikh Taqi Usmani menukilkan pandangan Ibnu Qudamah³ yang menyatakan bahawa jumbuh fuqaha berpandangan aset cagaran mestilah aset fizikal yang boleh dijual. Bagi akaun deposit tunai, ia dilihat sebagai aset berbentuk hutang kerana ia adalah hak hutang di dalam tanggungan bank. Oleh itu, berdasarkan pandangan jumbuh, akaun deposit tidak sah untuk dijadikan aset cagaran. Manakala fuqaha Maliki membenarkan pencagaran hak hutang dengan syarat tempoh hak hutang (aset) mestilah sama atau lebih panjang daripada tempoh obligasi hutang pencagar.

¹ AAOIFI, *Al-Ma`ayir al-Shar`iyyah*, 2015, *Al-Rahn wa Tatbiqatuhu al-Mu`asirah*, no. 39, klausa 1/6 - 2/6.

² Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami*, 1995, Persidangan kali ke-9, bilangan ke-9, j.1, resolusi no. 90/3, h. 931.

³ Ibnu Qudamah, *Al-Mughni*, Maktabah al-Kaherah, 1968, j. 4, h. 260

Apakah penyesuaian fiqah bagi aset cagaran yang berbentuk akaun deposit?

- Para fuqaha ada membincangkan mengenai status aset cagaran yang berbentuk aset fizikal yang dipinjam oleh penerima cagaran. Jumhur fuqaha berpandangan jika aset tersebut dijadikan aset cagaran, status aset tersebut bertukar daripada *dhamanah*⁴ kepada *amanah*⁵. Ini bagi mengekalkan prinsip asal aset cagaran iaitu ia mesti dipegang oleh penerima cagaran atas dasar *amanah*. Namun, fuqaha Syafi'i berpendapat bahawa aset yang dipinjam tersebut kekal sebagai *dhamanah*.⁶
- Walau bagaimanapun, konteks aset cagaran berbentuk akaun deposit dilihat berbeza daripada aset cagaran berbentuk fizikal. Dalam hal ini, MPS mempertimbangkan aset cagaran berbentuk akaun deposit dianggap sebagai hak hutang. Hak hutang tersebut timbul daripada transaksi *qard* dalam produk akaun deposit yang mana pendeposit mempunyai hak untuk menerima pembayaran balik *qard* daripada IKI.

Adakah timbul isu penggunaan aset cagaran yang berbentuk akaun deposit oleh pihak IKI?

- Berdasarkan amalan perbankan semasa, isu yang berbangkit adalah berkenaan situasi IKI dilihat menggunakan aset cagaran yang berbentuk akaun deposit dan mendapat manfaat daripadanya. Secara prinsipnya, sebarang manfaat atau keuntungan yang terhasil daripada aset cagaran adalah hak pencagar selaku pemilik aset cagaran. Namun, amalan penggunaan aset cagaran oleh IKI boleh dibenarkan sekiranya:
 - (i) Pihak IKI mendapatkan keizinan pelanggan (pencagar) untuk menggunakan akaun deposit tersebut; dan
 - (ii) Pencagaran akaun deposit yang berdasarkan *qard* tidak dijadikan syarat terhadap obligasi hutang.
- Di samping itu, jika dilihat daripada perspektif lain, apabila aset cagaran berbentuk akaun deposit dianggap sebagai hak hutang yang terhasil daripada transaksi *qard*, hak hutang tersebut tidak digunakan oleh IKI sebaliknya apa yang digunakan ialah tunai di dalam akaun deposit yang telah dimiliki melalui transaksi *qard*. Maka, isu perolehan manfaat oleh IKI sebagai penerima cagaran daripada aset cagaran (hak hutang) tersebut tidak timbul.

Asas Pertimbangan

- Dalam konteks pencagaran akaun deposit terhadap pembiayaan yang dibuat, MPS membenarkan amalan tersebut dengan mengambil kira pandangan yang menganggap bahawa aset yang dicagarkan adalah hak hutang pelanggan.
- Kebenaran untuk pelanggan memilih mana-mana akaun deposit/pelaburan untuk dijadikan cagaran terhadap pembiayaan bertujuan untuk memastikan agar peletakan deposit *qard* tidak dijadikan syarat untuk mendapatkan pembiayaan.

⁴ Dhamanah: apabila seseorang memegang sesuatu aset dengan tujuan untuk memiliki aset tersebut dan perlu bertanggungjawab untuk menjamin aset tersebut dalam semua keadaan.

⁵ Amanah: apabila seseorang memegang sesuatu aset bukan dengan tujuan untuk memiliki aset tersebut dan tidak perlu bertanggungjawab terhadap aset dibawah penjagaannya kecuali disebabkan kecuaiian, salah laku dan pelanggaran syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam kontrak

⁶ Al-Ramli, *Nihayatul Muhtaj Ila Syarh al-Manhaj*, Dar al-Fikr, 1984, j. 4, H. 255.

- Walaupun aset yang dicagarkan berbentuk hak hutang daripada akaun deposit, IKI secara tidak langsung mendapat manfaat daripada akaun deposit yang dicagarkan. Oleh itu, obligasi yang ditanggung oleh pelanggan (pencagar) tidak boleh bersandarkan kontrak pinjaman (*qard*). Ini bagi menghindarkan IKI daripada mendapat sebarang bentuk manfaat berkaitan *qard* sebagaimana dinyatakan dalam hadis:

عن علي رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: كل قرض جر منفعة فهو ربا.

“Daripada Ali r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda: Setiap qard yang menerbitkan manfaat (kepada pemberi qard) adalah riba.”⁷

Implikasi Keputusan MPS

- Keputusan ini adalah penting untuk memberi kejelasan kepada IKI berhubung–
 - (i) amalan pencagaran akaun yang berbentuk deposit atau pelaburan terhadap obligasi hutang pembiayaan dalam IKI;
 - (ii) syarat-syarat yang mesti dipatuhi sekiranya IKI menggunakan aset cagaran tersebut; dan
 - (iii) isu penggunaan akaun yang berbentuk deposit atau pelaburan oleh pihak IKI.

Keputusan ini berkuatkuasa mengikut tarikh penguatkuasaan Dokumen Polisi Rahn yang dijangka akan diterbitkan pada pertengahan tahun 2018.

⁷ Ibnu Hajar al-`Asqalani, *Bulugh al-Maram min Adillah al-Ahkam*, Matba`ah al-Salafiyah, 1928, h. 176.